



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG SELAIN
DARIPADA SYARIKAT, PERKONGSIAN
LIABILITI TERHAD, BADAN AMANAH DAN
KOPERASI**

KETETAPAN UMUM NO. 4/2017

TARIKH PENERBITAN: 20 JULAI 2017



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN
KOPERASI**

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

© 2017 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN
KOPERASI**

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

| KANDUNGAN | Muka surat |
|---------------------------------------|-------------------|
| 1. Objektif | 1 |
| 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan | 1 |
| 3. Tafsiran | 1 |
| 4. Pemakaian Undang-Undang | 1 |
| 5. Penentuan Tempoh Asas | 2 |
| 6. Pengemaskinian dan Pindaan | 8 |

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan penentuan tempoh asas berhubung dengan suatu punca perniagaan bagi orang selain syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang-

- a) memulakan operasi baharu;
- b) menukar tarikh perakaunan bagi perniagaan sedia ada; dan
- c) individu yang menyertai suatu perkongsian

2. Peruntukan Undang-Undang

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 20 dan 21.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

“Orang selain syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi” termasuk individu, keluarga sekutu Hindu, harta pusaka di bawah pentadbiran, kelab dan persatuan.

4. Pemakaian Undang-Undang

4.1 Tempoh asas bagi suatu tahun taksiran (TT) adalah penting dalam menentukan pengenaan cukai pendapatan bagi setiap orang. Secara amnya, seksyen 20 ACP memperuntukkan tahun kalendar bagi suatu TT adalah merupakan tahun asas bagi tahun taksiran tersebut.

| TAHUN KALENDAR | TAHUN ASAS | TAHUN TAKSIRAN |
|-----------------------|-------------------|-----------------------|
| 1.1.2016 - 31.12.2016 | 2016 | 2016 |

4.2 Sebelum TT 2004, penentuan tempoh asas bagi punca perniagaan individu atau orang selain daripada syarikat atau koperasi adalah diperuntukkan di bawah subseksyen 21 ACP pada masa itu dan mengikut prinsip yang dinyatakan dalam KU No. 6/2001 bertajuk “Tempoh Asas Bagi Suatu Punca Perniagaan (Individu & Orang Selain Daripada Syarikat/Koperasi).



**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

- 4.3 Mulai TT 2004, seksyen 21 ACP dipinda selaras dengan pelaksanaan sistem taksir sendiri (STS). Seksyen ini memperuntukkan bahawa tahun kalendar ialah tempoh asas bagi suatu TT berhubung dengan suatu punca pendapatan seseorang selain daripada syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah dan koperasi. Ini bermakna, bagi mana-mana orang selain daripada syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah dan koperasi, tempoh asas untuk suatu TT bagi setiap punca pendapatan adalah tahun berakhir 31 Disember.

5. Penentuan Tempoh Asas

5.1 Penentuan Tempoh Asas Bagi Orang Yang Baru Memulakan Operasi

5.1.1 Akaun disediakan bagi tempoh 12 bulan

Jika perniagaan baharu bermula dan akaun pertamanya disediakan bagi 12 bulan, tempoh asas adalah tempoh yang berakhir pada 31 Disember.

Contoh 1

Zulkarnain memulakan perniagaan milik tunggalnya pada 1.7.2013 dan akaun pertama disediakan bagi tempoh dari 1.7.2013 hingga 30.6.2014 dan seterusnya pada 30 Jun setiap tahun.

Pendapatan perniagaan tunggal milik Zulkarnain hendaklah dilaporkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi tempoh berikut:

| TT | Tempoh Asas | Tempoh |
|-----------|-------------------------|---------------|
| 2013 | 01.07.2013 - 31.12.2013 | 6 bulan |
| 2014 | 01.01.2014 - 31.12.2014 | 12 bulan |
| 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 | 12 bulan |

5.1.2 Akaun disediakan bagi tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember

Jika perniagaan baru bermula dan akaun pertamanya disediakan bagi tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember, tempoh asas adalah tempoh yang berakhir pada 31 Disember.



**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

Contoh 2

Azman memulakan perniagaan milik tunggalnya pada 18.5.2013 dan akaun pertama ditutup pada 31.12.2013 dan seterusnya akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

Tempoh asas perniagaan Azman adalah seperti berikut:

| TT | Tempoh Asas | Tempoh |
|-----------|-------------------------|-----------------|
| 2013 | 18.05.2013 - 31.12.2013 | 7 bulan 14 hari |
| 2014 | 01.01.2014 - 31.12.2014 | 12 bulan |
| 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 | 12 bulan |

Contoh 3

Sarah memulakan perniagaan milik tunggalnya pada 1.10.2013 dan akaun pertama ditutup pada 31.12.2014 dan seterusnya akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

Tempoh asas perniagaan milik tunggal Sarah adalah seperti berikut:

| TT | Tempoh Asas | Tempoh |
|-----------|-------------------------|---------------|
| 2013 | 01.10.2013 - 31.12.2013 | 3 bulan |
| 2014 | 01.01.2014 - 31.12.2014 | 12 bulan |
| 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 | 12 bulan |

5.1.3 Akaun disediakan bagi tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan yang tidak berakhir pada 31 Disember

Jika perniagaan baharu bermula dan akaun pertamanya disediakan bagi tempoh kurang atau lebih daripada 12 bulan yang tidak berakhir pada 31 Disember, tempoh asas adalah tempoh yang berakhir pada 31 Disember.

Contoh 4

Lucky Garden Society menyediakan akaun pertama dari 1.3.2013 sehingga 30.9.2013. Akaun seterusnya ditutup pada 30 September setiap tahun.



**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

Tempoh asas perniagaan Lucky Garden Society adalah seperti berikut:

| TT | Tempoh Asas | Tempoh |
|-----------|-------------------------|---------------|
| 2013 | 01.03.2013 - 31.12.2013 | 10 bulan |
| 2014 | 01.01.2014 - 31.12.2014 | 12 bulan |
| 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 | 12 bulan |

Contoh 5

Isaac memulakan perniagaan dobi pada 1.4.2013 dan menyediakan akaun perniagaan milik tunggalnya berakhir pada 30.6.2014 dan seterusnya akaun ditutup pada 30 Jun setiap tahun.

Tempoh asas perniagaan Isaac adalah seperti berikut:

| TT | Tempoh Asas | Tempoh |
|-----------|-------------------------|---------------|
| 2013 | 01.04.2013 - 31.12.2013 | 9 bulan |
| 2014 | 01.01.2014 – 31.12.2014 | 12 bulan |
| 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 | 12 bulan |

5.2 Penentuan Tempoh Asas Bagi Perniagaan Sedia Ada dan Menukar Tarikh Perakaunan

Apabila berlakunya pertukaran tarikh perakaunan, sama ada akaun biasa ditutup pada 31 Disember atau selain 31 Disember, tempoh asas perniagaan tersebut adalah tahun berakhir 31 Disember.

5.2.1 Akaun biasa tidak berakhir pada 31 Disember dan akaun baru disediakan bagi tempoh kurang daripada 12 bulan

Contoh 6

Kishen Amrita adalah karta kepada Keluarga Sekutu Hindu Amrita Chettiar. Keluarga Sekutu Hindu tersebut kebiasaannya menyediakan akaun untuk tempoh berakhir pada 30 Jun setiap tahun. Walau bagaimanapun, Kishen menukar tarikh perakaunan



**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

Keluarga dan menutup akaun pada 31.12.2013 selepas akaun biasa ditutup pada 30.6.2013. Akaun seterusnya ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

Tempoh asas Keluarga Sekutu Hindu Amrita Chettiar adalah seperti berikut:

| TT | Tempoh Asas | Tempoh |
|-----------|-------------------------|---------------|
| 2013 | 01.01.2013 - 31.12.2013 | 12 bulan |
| 2014 | 01.01.2014 - 31.12.2014 | 12 bulan |
| 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 | 12 bulan |

5.2.2 Akaun biasa tidak berakhir pada 31 Disember dan akaun baru disediakan bagi tempoh melebihi 12 bulan

Contoh 7

Kelab Bolasepak Junior biasanya menyediakan akaun untuk tempoh berakhir pada 31 Julai. Kelab tersebut menukar tarikh perakaunannya dan akaun ditutup pada 31.12.2014 selepas akaun biasa ditutup pada 31.7.2013. Akaun seterusnya ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

Tempoh asas Kelab Bolasepak Junior FC adalah seperti berikut:

| TT | Tempoh Asas | Tempoh |
|-----------|-------------------------|---------------|
| 2013 | 01.01.2013 - 31.12.2013 | 12 bulan |
| 2014 | 01.01.2014 - 31.12.2014 | 12 bulan |
| 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 | 12 bulan |

5.3 Individu Menyertai Suatu Perkongsian

5.3.1 Menyertai suatu perkongsian baharu

Jika seorang individu yang menyertai suatu perkongsian baharu, tempoh asas bagi punca pendapatan perkongsian tersebut adalah ditentukan seperti kes permulaan perniagaan.



**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

Contoh 8

Suraya menyertai sebuah perkongsian yang baru memulakan perniagaan pada 18.2.2014. Akaun yang disediakan oleh perkongsian adalah seperti berikut:

| TT | Tempoh Perakaunan | Tempoh |
|-----------|--------------------------|-----------------|
| 2014 | 18.02.2014 - 30.09.2014 | 7 bulan 13 hari |
| 2015 | 01.10.2014 - 30.09.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.10.2015 - 30.09.2016 | 12 bulan |

Tempoh asas punca perkongsian Suraya adalah seperti berikut:

| TT | Tempoh Asas | Tempoh |
|-----------|-------------------------|------------------|
| 2014 | 18.02.2014 - 31.12.2014 | 10 bulan 14 hari |
| 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 | 12 bulan |

5.3.2 Menyertai suatu perkongsian yang sedia wujud dan tarikh perakaunan biasa perkongsian itu dikekalkan

Contoh 9

Malik menyertai suatu perkongsian sedia ada pada 1.2.2014. Akaun perkongsian kebiasaannya ditutup pada 31 Mac seperti berikut:

| TT | Tempoh Perakaunan | Tempoh |
|-----------|--------------------------|---------------|
| 2014 | 01.04.2013 - 31.03.2014 | 12 bulan |
| 2015 | 01.04.2014 - 31.03.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.04.2015 - 31.03.2016 | 12 bulan |

Tempoh asas bagi punca perkongsian Malik adalah seperti berikut:

| TT | Tempoh Asas | Tempoh |
|-----------|-------------------------|---------------|
| 2014 | 01.02.2014 - 31.12.2014 | 11 bulan |
| 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 | 12 bulan |
| 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 | 12 bulan |



**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

5.3.3 Menyertai suatu perkongsian yang sedia ada dan tarikh perakaunan biasa perkongsian ditukar

Contoh 10

Steven menyertai Perkongsian Step-Up pada 1.7.2014. Perkongsian Step-Up kebiasaannya menutup akaun pada 31 Disember telah menukar tarikh perakaunan kepada 30 Jun. Akaun perkongsian disediakan seperti berikut:

| Tempoh Perakaunan | Tempoh |
|--------------------------|---------------|
| 01.01.2013 - 31.12.2013 | 12 bulan |
| 01.01.2014 - 30.06.2014 | 6 bulan |
| 01.07.2014 - 30.06.2015 | 12 bulan |
| 01.07.2015 - 30.06.2016 | 12 bulan |

Tempoh asas punca perkongsian bagi ahli-ahli kongsi adalah seperti berikut:

| Rakan kongsi | TT | Tempoh Asas |
|------------------------|-----------|-------------------------|
| Steven | 2013 | tiada |
| | 2014 | 01.07.2014 - 31.12.2014 |
| | 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 |
| | 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 |
| Rakan kongsi sedia ada | 2013 | 01.01.2013 - 31.12.2013 |
| | 2014 | 01.01.2014 - 31.12.2014 |
| | 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 |
| | 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 |

Contoh 11

Jasmin menyertai Perkongsian Jelita Spa pada 1.4.2015. Perkongsian tersebut yang biasanya menutup akaun pada 30 Jun setiap tahun telah menukar tarikh perakaunan kepada 31 Disember apabila Jasmin menjadi ahli kongsi baru. Akaun perkongsian disediakan seperti berikut:



**TEMPOH ASAS UNTUK PUNCA
PERNIAGAAN BAGI ORANG
SELAIN DARIPADA SYARIKAT,
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD,
BADAN AMANAH DAN KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2017
Tarikh Penerbitan: 20 Julai 2017**

| Tempoh Perakaunan | Tempoh |
|---|---------------|
| 01.07. 2013- 30.06. 2014 (perkongsian lama) | 12 bulan |
| 01.07.2014 - 31.12.2015 (perkongsian baru) | 18 bulan |
| 01.01.2016 - 31.12.2016 (perkongsian baru) | 12 bulan |

Tempoh asas bagi punca perkongsian adalah seperti berikut:

| Rakan kongsi | TT | Tempoh Asas |
|---------------------------|-----------|-------------------------|
| Jasmin | 2014 | tiada |
| | 2015 | 01.04.2015 - 31.12.2015 |
| | 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 |
| Rakan kongsi sedia ada | 2014 | 01.01.2014 - 31.12.2014 |
| | 2015 | 01.01.2015 - 31.12.2015 |
| | 2016 | 01.01.2016 - 31.12.2016 |

6. Pengemaskinian dan Pindaan

KU ini menggantikan KU 6/2001 yang diterbitkan pada 30 April 2001.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**